

Standard kursus IPT dinaik taraf selaras MQF

SEMUA kurikulum dan kursus institusi pengajian tinggi akan disemak semula dalam tempoh Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10), manakala pencapaian program dan pembelajaran akan diselaraskan dengan keperluan industri dan majikan.

Sebanyak 2,370 program sedia adakan disemak semula bagi memastikan pematuhan kepada Kerangka Kelayakan Malaysia (MQF).

Ia akan dibuat berdasarkan kepada dua prinsip iaitu kandungan kursus ditawarkan akan ditanda aras dengan kriteria dan piawaian dipersetujui pada peringkat nasional dan selaras dengan amalan terbaik antarabangsa, serta MQF.

Semua politeknik akan disusun semula untuk menawarkan kursus pada peringkat diploma dan ijazah serta mengurangkan secara berperingkat kursus pada peringkat sijil menjelang akhir tempoh RMK-10.

Kurikulum institusi pendidikan tinggi perlu memberi lebih penekanan terhadap pembangunan kemahiran itu pelajar selaras maklum balas diterima daripada majikan.

Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) akan terus memainkan peranan penting dalam pelaksanaan MQF sebagai asas jaminan kualiti pengajian tinggi dan pusat rujukan kriteria dan piawaian kelayakan nasional, dengan MQA akan memperluas kerjasama dengan agensi jaminan luar negara melalui pemeteraan 'Memorandum of Arrangement' sebagai usaha menetapkan tanda aras yang piawai dan membantu meningkatkan keupayaan anggotanya.

Usaha akan dipergiatkan untuk menambah bilangan staf akademik berkelayakan doktor falsafah (PhD) dengan menjelang akhir tempoh RMK-10, staf akademik berkelayakan PhD di universiti penyelidikan disasarkan sebanyak 75 peratus, manakala universiti awam lain 60 peratus.

Sejumlah RM2.26 bilion akan diperuntukkan bagi menyediakan biasiswa kepada 16,800 staf akademik melanjutkan pengajian di peringkat PhD.